

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem ***Department of Electrical, Electronic and Systems Engineering***

Pengenalan / Introduction

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem merupakan sebuah Jabatan terawal di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina. Bermula sebagai Unit Elektronik di Jabatan Fizik, Fakulti Sains pada 1hb Mei 1978, ianya telah berkembang dan akhirnya dinaiktaraf kepada Jabatan Elektronik di Fakulti Sains Fizik dan Gunaan. Dengan usaha gigih ahli-ahli akademik Jabatan Elektronik dan Jabatan Teknologi Kimia, maka Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina telah ditubuhkan pada 1hb November 1984. Dengan penubuhan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, nama jabatan telah diubah kepada Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem, dan nama ini digunakan hingga ke hari ini.

The Department of Electrical, Electronic and Systems Engineering was the first department founded in the Faculty of Engineering and Built Environment. Initially known as the Unit of Electronic under the Department of Physics in the Faculty of Science on 1st May 1978, it became a full department known as the Department of Electronic in the Faculty of Physics and Applied Science. With joint efforts from the staff of the Department of Electronic and Department of Chemical Technology, the Faculty of Engineering and Built Environment was established on 1st November 1984. Upon the establishment of the Faculty of Engineering and Built Environment, the name of the department was changed to the Department of Electrical, Electronic and Systems Engineering and this name is still used today.

Program Pengajian / Study Programmes

Pada peringkat awal penubuhan Jabatan, semua penuntut mengikuti program pengajian yang sama, dan membuat pengkhususan dengan memilih kursus-kursus elektif pada tahun akhir pengajian mereka. Bagaimanapun, mulai 1996, sesuai dengan perkembangan dalam teknologi elektronik, yang memerlukan pengkhususan tugas bagi para jurutera, maka 2 program pengajian telah ditawarkan iaitu:

- ◆ Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- ◆ Kejuruteraan Elektronik

Dengan penawaran dua program ini, penuntut dapat difokuskan kepada bidang pengkhususan mereka seawal tahun pertama pengajian mereka. Ini diharapkan akan memantapkan lagi kualiti jurutera yang bakal dikeluarkan. Mulai semester 1 sesi 2002/2003, perubahan kepada silibus program Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik telah dibuat untuk memenuhi keperluan Lembaga Jurutera Malaysia supaya graduan dari program ini boleh diiktiraf sebagai jurutera dalam bidang elektrik. Perubahan silibus ini banyak dilakukan pada kursus-kursus tahun 3 dan 4, di mana lebih banyak kursus-kursus yang berkaitan dengan kejuruteraan elektrik dimuatkan. Pada keseluruhannya, semua program jabatan ini mendapat sambutan yang baik daripada pihak industri dan majikan. Pencapaian yang cemerlang ini seharusnya menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar jabatan kini untuk terus mengejar kejayaan. Mulai semester I sesi 2009-2010, kurikulum untuk kedua-dua program telah disemak semula untuk memberi ruang kepada pelaksanaan Latihan Industri 4 bulan pada masa intersesi antara Tahun 3 dan 4. Selepas semakan kurikulum pada 2014, nama program Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer telah ditukar kepada Kejuruteraan Elektronik hasil dari penjumudan Kejuruteraan Mikroelektronik.

During the initial stage of the department's establishment, all undergraduat students had to undertake the same study programmes and specialise by choosing elective courses during their final year of study. Nevertheless, starting from 1996, with the development of electronic technology which demands specialisation tasks for engineers, two study programmes have been offered, which are:

- ◆ *Electrical and Electronic Engineering*
- ◆ *Electronic Engineering*

By offering these two programmes, students can focus on their field of specialisation as early as their first year of study. This is expected to enhance the quality of potential engineers that are produced. Starting from semester 1 of the 2002/2003 session, the syllabus of the Electrical and Electronic Engineering has been changed to fulfill the requirements of the Board of Engineers so that graduates from this programme would be recognised as engineers in the electrical field. Changes in the syllabus for years 3 and 4 have been tremendously made, in which more courses related to electrical engineering have been

included. In general, all the programmes in the department have been well received by the industry and employers. This achievement should inspire students in the department to continue in pursuing success. Starting from semester 1 of the 2009/2010 session, the curriculum of the two programmes has been reviewed to allow the implementation of industrial training for 4 months during the inter-session period between year 3 and 4. After revision of the curriculum in 2014, the name of Communications and Computer Engineering program has been changed to Electronic Engineering as the results of obseleting Microelectronics Engineering.

Objektif Pembelajaran Program (PEO)

PEO1

Jurutera/Arkitek yang mempunyai sahsiah dan etika, serta profesionalisma yang tinggi dan menyumbang kepada Aspirasi Kebangsaan.

Engineer / Architect who has character and ethics, as well as high professionalism and contributes to the National Aspirations

PEO2

Jurutera/Arkitek yang kompeten dalam amalan bidang masing-masing ber-sesuaian dengan keperluan semasa dan masa depan.

Engineer / Architect who is competent in respective engineering practices that meets current and future needs.

PEO3

Jurutera/Arkitek yang mempunyai daya kreatif dan inovatif, ciri keusahawanan dan sifat kepimpinan yang bersifat glocal.

Engineer / Architect who has a creative and innovative, entrepreneurial and leadership qualities that are glocal.

Hasil Pembelajaran Program (PO)

PO1 - Ilmu Kejuruteraan - Aplikasi ilmu dalam matematik, sains, asas kejuruteraan dan pengkhususan kejuruteraan dalam memberi penyelesaian masalah kejuruteraan yang kompleks.

Engineering Knowledge - *Apply knowledge of mathematics, science, engineering fundamentals and an engineering specialisation to the solution of complex engineering problems.*

PO2 - Analisis Masalah - Mengenal pasti, merumuskan, mengkaji literatur dan menganalisis masalah kejuruteraan yang kompleks dengan mencapai kesimpulan yang dapat menyokong dengan menggunakan prinsip pertama matematik, sains tabii dan kejuruteraan sains.

Problem Analysis - *Identify, formulate, research literature and analyse complex engineering problems reaching substantiated conclusions using first principles of mathematics, natural sciences and engineering sciences;*

PO3 - Reka bentuk/Pembangunan Penyelesaian - Rekabentuk penyelesaian untuk masalah kejuruteraan yang kompleks dan sistem reka bentuk, komponen proses yang menepati keperluan spesifik dengan pertimbangan yang bersesuaian bagi kesihatan awam dan keselamatan, budaya, kemasyarakatan dan alam sekitar.

Design/Development of Solutions - *Design solutions for complex engineering problems and design systems, components or processes that meet specified needs with appropriate consideration for public health and safety, cultural, societal, and environmental considerations;*

PO4 - Penyiasatan - Menjalankan penyiasatan terhadap masalah kejuruteraan yang kompleks menggunakan kaedah ilmu asas penyelidikan termasuk reka bentuk uji kaji, analisis dan tafsiran data, sintesis maklumat untuk memberikan kesimpulan yang sah.

Investigation - *Conduct investigation into complex problems using research based knowledge and research methods including design of experiments, analysis and interpretation of data, and synthesis of information to provide valid conclusions;*

PO5 - Penggunaan Alatan Moden - Mencipta, memilih dan mengaplikasikan teknik, sumber, dan alatan kejuruteraan dan teknologi maklumat yang moden, termasuk ramalan dan model, kepada masalah kejuruteraan yang kompleks dengan memahami hadnya.

Modern Tool Usage - Create, select and apply appropriate techniques, resources, and modern engineering and IT tools, including prediction and modelling, to complex engineering problems with an understanding of the limitations.

PO6 - Jurutera dan Masyarakat - Mengaplikasikan pemikiran yang dimaklumkan dari konteks ilmu untuk menilai isu-isu kemasyarakatan, kesihatan, keselamatan, perundangan dan budaya serta tanggung jawab berkaitan yang relevan kepada profesional amalan kejuruteraan dan penyelesaian kepada permasalahan yang kompleks.

The Engineer and Society - Apply reasoning informed by contextual knowledge to assess societal, health, safety, legal and cultural issues and the consequent responsibilities relevant to professional engineering practice and solutions to complex engineering problems;

PO7 - Alam Sekitar dan Kelestarian – Memahami dan menilai kemampuan dan kesan dari kerja profesional kejuruteraan dalam penyelesaian untuk masalah kejuruteraan yang kompleks dalam konteks masyarakat dan persekitaran.

Environment and Sustainability - Understand and evaluate the sustainability and the impact of professional engineering work in the solution of complex engineering problems in societal and environmental contexts.

PO8 - Etika - Aplikasi prinsip etika dan komitmen terhadap etika professional serta tanggung jawab dan norma amalan kejuruteraan yang menyumbang kepada Aspirasi Kebangsaan.

Ethics - Apply ethical principles and commit to professional ethics & responsibilities and norms of engineering practice and contribute to the National Aspirations

PO9 - Komunikasi - Berkomunikasi secara efektif berkaitan aktiviti kompleks bersama komuniti kejuruteraan dan keseluruhan masyarakat, seperti berkeupayaan untuk memahami dan menulis laporan yang efektif serta mereka bentuk dokumen, melakukan pembentangan yang efektif, serta memberi dan menerima arahan.

Communication - *Communicate effectively on complex engineering activities with the engineering community and with society at large, such as being able to comprehend and write effective reports and design documentation, make effective presentations, and give and receive clear instructions.*

PO10 - Individu dan Kerja Berpasukan - Berfungsi secara efektif sebagai individu, dan sebagai ahli atau ketua dalam pelbagai kumpulan dan pelbagai disiplin.

Individual and Team Work - *Function effectively as an individual, and as a member or leader in diverse teams and in multi-disciplinary settings.*

PO11 - Pembelajaran Sepanjang Hayat - Mengenal pasti keperluan dan persediaan serta keupayaan untuk melibatkan diri secara bebas dalam pembelajaran sepanjang hayat dalam konteks yang luas merangkumi perubahan teknologi.

Life Long Learning - *Recognise the need for, and have the preparation and ability to engage in independent and life-long learning in the broadest context of technological change.*

PO12 - Pengurusan Projek dan Kewangan - Mendemonstrasikan ilmu dan pemahaman prinsip pengurusan kejuruteraan dan membuat keputusan secara berekonomi serta aplikasi terhadap tugas yang diberi, sebagai ahli atau ketua kumpulan, untuk mengurus projek dan dalam persekitaran yang pelbagai disiplin.

Project Management and Finance - *Demonstrate knowledge and understanding of engineering management principles and economic decision-making and apply these to one's own work, as a member and leader in a team, to manage projects and in multidisciplinary environments.*

Struktur Kursus Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Electrical and Electronic Engineering Course Structure

Semester	Kod Kursus/ Course Code	Kategori Category	Nama Kursus Course Title
I	LMCK1621	C1	Etika dan Profesional <i>Ethical and Professional</i>
	LMCE1002	C2	<i>Foundation English (MUET Band 1 & 2)</i>
	LMCE1012/ LMCE1022	C2	<i>Academic Communication I (MUET Band 3) / Academic Communication II (MUET Band 4,5 & 6)</i>
	KKKL1103	C5	CAD/ CAE
	KKKL1113	WJ	Teori Litar I <i>Circuit Theory I</i>
	KKKL1133	WJ	Fizik Untuk Jurutera <i>Physics for Engineers</i>
	KKKQ1123	WF	Matematik Kejuruteraan I (Kalkulus Vektor) <i>Engineering Mathematics I (Vector Calculus)</i>
II	LMCW1022	CW	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Entrepreneuership and Innovation Base</i>
	LMCE1012	C2	<i>Academic Communication I (MUET Band 3)</i> Nota : Kursus ini hanya ditawarkan untuk pelajar yang telah lulus kursus LMCE1002 - <i>Foundation English (MUET Band 1 & 2)</i>
	LMCRXXX3	C6	Kursus Luar Fakulti <i>Free Flow</i>
	KKKL1123	WJ	Teori Litar II <i>Circuit Theory II</i>
	KKKL1141	WJ	Makmal Elektrik dan Elektronik I <i>Electrical and Electronics Laboratory I</i>
	KKKL1163	WJ	Bahasa Pengaturcaraan <i>Programming Language</i>
	KKKQ1223	WF	Matematik Kejuruteraan II (Aljabar Linear) <i>Engineering Mathematics II (Linear Algebra)</i>

III	LMCW2163	CW	Tamadun Islam dan Tamadun Asia <i>Islamic and Asian Civilisation</i>
	LMCE2052	C2	<i>English for Engineering and Architecture</i>
	KKKL2123	WJ	Isyarat dan Sistem <i>Signal and System</i>
	KKKL2151	WJ	Makmal Elektrik & Elektronik II <i>Electrical and Electronics Laboratory II</i>
	KKKL2173	WJ	Elektronik Analog <i>Analogue Electronics</i>
	KKKQ2123	WF	Persamaan Kebezaan <i>Differential Equation</i>
IV	LMCW2173	CW	Hubungan Etnik <i>Ethnic Relation</i>
	LMCK2922	CW	Kemahiran Insaniah <i>Soft Skills</i>
	KKKL2121	WJ	Makmal Elektronik Digit <i>Digital Electronics Laboratory</i>
	KKKL2133	WJ	Medan dan Gelombang Elektromagnet <i>Electromagnetic Fields and Waves</i>
	KKKL2163	WJ	Elektronik Digit <i>Digital Electronics</i>
	KKKL2183	WJ	Teori Komunikasi <i>Communication Theory</i>
	KKKQ2223	WF	Analisis Kompleks <i>Complex Analysis</i>
V	KKKF3283	C1	Etika Kejuruteraan dan Perkembangan Teknologi <i>Engineering Ethics and Technology Development</i>
	KKKL3113	WJ	Pengukuran dan Instrumentasi <i>Measurements and Instrumentation</i>
	KKKL3293	WJ	Mikropemproses dan Mikrokomputer <i>Microprocessor and Microcomputer</i>
	KKKQ3123	C3	Statistik dan Pengiraan Berangka <i>Statistics and Numerical Method</i>
	KKKZ3073	WJ	Mesin Elektrik <i>Electrical Machines</i>

VI	KKKF3103	WF	Pengurusan Projek <i>Project Management</i>
	KKKL3161	WJ	Makmal Elektrik dan Elektronik III <i>Electrical and Electronics Laboratory III</i>
	KKKL3183	WJ	Pemprosesan Isyarat Digit <i>Digital Signal Processing</i>
	KKKL3233	WJ	Rekabentuk Sistem <i>System Design</i>
	KKKZ3123	WJ	Kejuruteraan Kawalan <i>Control Engineering</i>
	KKKZ3143	WJ	Kejuruteraan Kuasa <i>Power Engineering</i>
Intersesi	KKKF3066	WF	Latihan Industri <i>Industrial Training</i>
VII	LMCE3011 LMCE3021 LMCE3031 LMCE3041	C2	(Pilih satu kursus sahaja) (Choose Only One) Speech Communication Presentation Skills Professional Written Communication Effective Job Search & Application
	KKKZ4113	WJ	Elektronik Kuasa <i>Power Electronics</i>
	KKKZ4123	WJ	Rekabentuk Sistem Kawalan <i>Control System Design</i>
	KKKZ4133	WJ	Penjanaan Kuasa Elektrik dan Pertukaran Tenaga <i>Electrical Power Generation and Energy Conversion</i>
	KKKZ4162	WJ	Projek Ilmiah I <i>Project I</i>
	Kursus Elektrif (Pilih SATU sahaja) Elective Course (choose ONE only)		
	KKKZ4013	P	Bioisyarat dan Sistem <i>Biosignal and System</i>
	KKKZ4023	P	Perlindungan dan Keselamatan sistem Kuasa <i>Power System Protection and Safety</i>

VIII	KKKL4123	C4	Ekonomi Kejuruteraan dan Perakaunan Kos <i>Engineering Economics and Cost Accounting</i>
	KKKZ4033	WJ	Analisis Sistem Kuasa <i>Power System Analysis</i>
	KKKZ4164	WJ	Projek Ilmiah II <i>Project II</i>
	Kursus Elektrif (Pilih SATU sahaja) <i>Elective Course (choose ONE only)</i>		
	KKKZ4043	P	Kualiti Kuasa <i>Power Quality</i>
	KKKZ4063	P	Sistem Kawalan Berkomputer <i>Computer Controlled Systems</i>

Kategori/Category

- WU - Kursus Wajib Universiti / *University Courses*
- WF - Kursus Wajib Fakulti / *Faculty Courses*
- WJ - Kursus Wajib Jabatan / *Department Courses*
- P - Kursus Pilihan / *Elective Courses*
- CK - Kursus CITRA Kompetensi / *CITRA Competency Course*
- CW - Kursus CITRA Wajib / *CITRA Compulsory Course*
- C1-C6 - Kursus CITRA Rentas / *CITRA General Education*

Struktur Kursus Kejuruteraan Elektronik
Electronic Engineering Course Structure

Semester	Kod Kursus/ Course Code	Kategori/ Category	Nama Kursus/ Course Title
I	LMCK1621	C1	Etika dan Profesional <i>Ethical and Professional</i>
	LMCE1002	WF	Foundation English (MUET Band 1 & 2) Kursus Prasyarat Nota : (Pelajar perlu lulus kursus ini sebelum dibenarkan mengambil kursus LMCE1012. Sekiranya gagal pelajar perlu mengulang semula kursus sebelum dibenarkan mengambil kursus yang berikutnya).
	LMCE1012 LMCE1022	C2	<i>Academic Communication I (MUET Band 3)</i> <i>Academic Communication II (MUET Band 4,5 & 6)</i>
	KKKL1103	WJ	CAD/CAE
	KKKL1113	WJ	Teori Litar I <i>Circuit Theory I</i>
	KKKL1133	WJ	Fizik Untuk Jurutera <i>Physics for Engineers</i>
	KKKQ1123	WF	Matematik Kejuruteraan I (Kalkulus Vektor) <i>Engineering Mathematics I (Vector Calculus)</i>

II	LMCW1022	CW	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Entrepreneuership and Innovation Base</i>
	LMCE1012	C2	<i>Academic Communication I (MUET Band 3)</i> Nota : Kursus ini hanya ditawarkan untuk pelajar yang telah lulus kursus LMCE1002 - <i>Foundation English (MUET Band 1 & 2)</i> .
	KKKL1123	WJ	Teori Litar II <i>Circuit Theory II</i>
	KKKL1141	WJ	Makmal Elektrik dan Elektronik I <i>Electrical and Electronics Laboratory I</i>
	KKKL1163	WJ	Bahasa Pengaturcaraan <i>Programming Language</i>
	KKKQ1223	WF	Matematik Kejuruteraan II (Aljabar Linear) <i>Engineering Mathematics II (LinearAlgebra)</i>
	LMCRXXX3	C6	Kursus Luar Fakulti <i>(Free Flow)</i>
III	LMCW2163	CW	Tamadun Islam dan Tamadun Asia <i>Islamic and Asian Civilisation</i>
	LMCE2052	C2	<i>English for Engineering and Architecture</i>
	KKKL2123	WJ	Isyarat Dan Sistem <i>Signal and System</i>
	KKKL2151	WJ	Makmal Elektrik dan Elektronik II <i>Electrical and Electronics Laboratory I</i>
	KKKL2173	WJ	Elektronik Analog <i>Analogue Electronics</i>
	KKKQ2123	WF	Matematik Kejuruteraan III (Persamaan Kebezaan) <i>Engineering Mathematics III (Differential Equation)</i>

IV	LMCW2173	CW	Hubungan Etnik <i>Ethnic Relation</i>
	LMCK2922	CW	Kemahiran Insaniah <i>Soft Skills</i>
	KKKL2121	WJ	Makmal Elektronik Digit <i>Digital Electronics Laboratory</i>
	KKKL2133	WJ	Medan dan Gelombang Elektromagnet <i>Electromagnetic Fields and Waves</i>
	KKKL2163	WJ	Elektronik Digit <i>Digital Electronics</i>
	KKKL2183	WJ	Teori Komunikasi <i>Communication Theory</i>
	KKKQ2223	WF	Analisis Kompleks <i>Complex Analysis</i>
V	KKKF3283	C1	Etika Kejuruteraan dan Perkembangan Teknologi <i>Engineering Ethics and Technology Development</i>
	KKKL3113	WJ	Pengukuran dan Instrumentasi <i>Measurements and Instrumentation</i>
	KKKL3293	WJ	Mikropemproses dan Mikrokomputer <i>Microprocessor and Microcomputer</i>
	KKKQ3123	C3	Statistik dan Pengiraan Berangka <i>Statistics and Numerical Method</i>
	Kursus Elektif Pengkhususan (Pilih SATU sahaja) <i>Specialization Elective Courses (choose ONE only)</i>		
	KKKT3243	P	Peranti Komunikasi <i>Communication Devices</i>
	KKKT3253	P	Mikroelektronik <i>Microelectronics</i>

VI	KKKF3103	WF	Pengurusan Projek <i>Project Management</i>
	KKKL3161	WJ	Makmal Elektrik dan Elektronik III <i>Electrical and Electronics Laboratory III</i>
	KKKL3183	WJ	Pemprosesan Isyarat Digit <i>Digital Signal Processing</i>
	KKKL3213	WJ	Sistem Kawalan dan Kuasa <i>Control and Power Systems</i>
	KKKL3233	WJ	Rekabentuk Sistem <i>System Design</i>
	Kursus Elektif Pengkhususan(Pilih SATU sahaja) <i>Specialization Elective Courses (choose ONE only)</i>		
	KKKT3263	P	Komunikasi Digit <i>Digital Communication</i>
	KKKT3273	P	Teknologi Pembuatan Litar Bersepadu <i>Integrated Circuit Manufacturing Technology</i>
Intersesi	KKKF3066	WF	Latihan Industri <i>Industrial Training</i>

VII	LMCE3011 LMCE3021 LMCE3031 LMCE3041	C2	(Pilih satu kursus sahaja) (Choose Only One) <i>Speech Communication</i> <i>Presentation Skills</i> <i>Professional Written Communication</i> <i>Effective Job Search & Application</i>
	KKKT4053	WJ	Organisasi dan Senibina Sistem Komputer <i>Computer System Architecture and Organization</i>
	KKKT4162	WJ	Projek Ilmiah I <i>Project I</i>
	Kursus Elektif Pengkhususan (Pilih DUA sahaja) <i>Specialization Elective Courses (choose TWO only)</i>		
	KKKT4133	P	Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer <i>Data Communications and Computer Network</i>
	KKKT4143	P	Rekabentuk VLSI <i>VLSI Design</i>
	KKKT4153	P	Kejuruteraan Elektromagnet <i>Electromagnetic Engineering</i>
	KKKT4163	P	Teknologi Fotonik <i>Photonics Technology</i>
	Kursus Elektif (Pilih SATU sahaja) <i>Elective Courses (choose ONE only)</i>		
	KKKT4193	P	Komunikasi Radio dan Satelit <i>Radio and Satellite Communication</i>
	KKKT4203	P	Rangkaian Telekomunikasi <i>Telecommunication Networks</i>
	KKKT4213	P	Kejuruteraan Perisian <i>Software Engineering</i>
	KKKT4223	P	Keboleharapan dan Pencirian Litar Bersepadu <i>Reliability and Characterization of Integrated Circuit</i>
	KKKT4233	P	Optoelektronik <i>Optoelectronics</i>

VIII	KKKL4123	C4	Ekonomi Kejuruteraan Dan Perakaunan Kos <i>Engineering Economics and Cost Accounting</i>
	KKKT4113	WJ	Sistem Multimedia <i>Multimedia Systems</i>
	KKKT4164	WJ	Projek Ilmiah II <i>Project II</i>
	Kursus Elektif Pengkhususan(Pilih SATU sahaja) <i>Specialization Elective Courses (choose ONE only)</i>		
	KKKT4173	P	Rangkaian dan Keselamatan <i>Network and Security</i>
	KKKT4183	P	Teknologi Peranti Termaju <i>Advanced Devices Technology</i>
	Kursus Elektif (Pilih SATU sahaja) <i>Elective Courses (choose ONE only)</i>		
	KKKT4243	P	Sistem Komunikasi Optik <i>Optical Communication Systems</i>
	KKKT4253	P	Antena dan Litar Berfrekuensi Tinggi <i>Antenna and High Frequency Circuits</i>
	KKKT4263	P	Sistem Pengoperasian <i>Operating Systems</i>
	KKKT4273	P	Teknologi Laser <i>Laser Technology</i>
	KKKT4283	P	Rekabentuk Litar Analog CMOS <i>CMOS Analog IC Design</i>
	KKKT4293	P	Pengenalan Teknologi MEMS <i>Introduction to MEMS Technology</i>

Kategori/Category

- WU - Kursus Wajib Universiti/ *University Courses*
- WF - Kursus Wajib Fakulti / *Faculty Courses*
- WJ - Kursus Wajib Jabatan / *Department Courses*
- P - Kursus Pilihan / *Elective Courses*
- CK - Kursus CITRA Kompetensi / *CITRA Competency Course*
- CW - Kursus CITRA Wajib / *CITRA Compulsory Course*
- C1-C6 - Kursus CITRA Rentas / *CITRA General Education*

Silibus Kursus Courses Syllabus

KKKL1103 CAD/ CAE CAD/ CAE

Kursus ini meliputi kefahaman teori mengenai komputer grafik, penggunaan perisian berasaskan CAD/CAE dan keperluan perkakasan terhadap perisian tersebut. Komputer grafik dan permodelan akan meliputi teknik permodelan 2D dan 3D bermula dengan kerangka dawai sehingga permodelan padu. Selain itu, pelajar juga akan diketengahkan kepada perisian permodelan dan simulasi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

This course covers the theoretical understanding of computer graphics, software, CAD/CAE based software and hardware requirements for the software. Computer graphics and modeling will include 2D and 3D modeling techniques starting with wire frame to solid modeling. In addition, students will also be featured on the software modeling and simulation of electrical and electronics engineering.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas: References:

- Robert Boylestad dan Louis Nashelsky. 2014. *Electronic Devices and Circuit Theory. 11th Edition*, Pearson New International Edition.
- Bertoline, G. R. 2011. *Fundamentals of Graphics Communication*. 6th Edition. McGraw-Hill.
- Kraig Mitzner. 2009. *Complete PCB Design using OrCAD Capture and PCB*. Newnes.
- Paul Tobin. 2007. *PSpice for Circuit Theory and Electronic Devices (Synthesis Lectures on Digital Circuits and Systems)*. Morgan & Claypool Publishers.
- Rao P. N. 2006. *CAD/CAM-Principles. 2nd Edition*. India McGraw-Hill Publishing Company Limited.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Bersedia untuk menganalisa tentang konsep dan kaedah rekabentuk serta keperluan perisian dan perkakasan bagi sistem CAD/CAE. <i>Ready to analyse the concept and design as well as software and hardware requirements for the CAD/CAE.</i>
2	Keupayaan untuk menyelesaikan masalah melalui pengiraan kejuruteraan mengenai Perihal Geometri bagi 2D dan 3D dengan membuat latihan <i>Ability to solve problems through engineering calculations on description of 2D and 3D geometry by doing practices.</i>
3	Kebolehan untuk menggunakan perisian CAD/CAE bagi merekabentuk litar elektrik dan elektronik. <i>Ability to use the CAD/CAE software to design electrical and electronic circuit.</i>
4	Kebolehan untuk menghasilkan projek kejuruteraan yang berkaitan dengan bidang CAD/CAE dan membentangkannya secara individu dan berkumpulan. <i>Ability to propose engineering projects related to the field of CAD/CAE and present them individually and in a group.</i>

KKKL1113 Teori Litar I

Circuit Theory I

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar konsep utama dan ciri-ciri asas elemen litar i.e cas, arus, voltan, kuasa dan tenaga. Kursus ini juga menerangkan kepada pelajar mengenai topologi rangkaian, pembolehubah tak bergantung, analisis Nodal dan Mesh, teorem-teorem litar iaitu teorem Superposisi, Thevenins dan Norton serta konsep kelinearan. Ini diikuti dengan pengenalan kepada pemuat dan pearuh beserta analisis litar RL dan RC berdasarkan sumber DC dan AC. Analisis kuasa dalam litar AC diterangkan di akhir kursus.

This course will discuss the main concept and basic circuit element i.e charge, current, voltage power and energy characteristics. The network topology, independent variables, Nodal and Mesh analysis and others circuit theorems like Superpositions, Thevenins and Norton plus linearity will be emphasised to the students. Introduction to capacitance and inductance and its RL and RC circuit analysis based on DC and AC source will be quantitatively given. In addition, power analysis in AC circuit will be introduced at the end of the course

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:
References:

- Alexander, C. K., Sadiku, M. N. O. 2013. *Fundamentals of Electric Circuit*. 5/e. McGraw Hill.
- Irwin, J. D., Nelms, R. M. 2011. *Basic Engineering Circuit Analysis*. 10/e. Wiley.
- Nilsson, J. W., Riedel, S. A. 2011. *Electric Circuits*. 9/e. Prentice Hall.
- Rizzoni, G. 2007. *Electrical Engineering*. 5/e. McGraw Hill.
- Hyat, W.H., Kemmerly, J. E., Durbin, S.M. 2007. *Engineering Circuit Analysis*. 7/e. McGraw Hill.

Hasil Pembelajaran
Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus/ Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk memperihai konsep dan meringkaskan litar rintangan asas menggunakan teorem-teorem litar. <i>Ability to describe concept and simplify basic resistance circuit using circuit's theorem</i>
2	Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah litar DC/AC menggunakan analisis teorem litar. <i>Ability to solve DC/AC circuit problem using circuit's theorem analysis</i>
3	Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah litar AC menggunakan teknik analisis fasor. <i>Ability to solve AC circuit problem using phasor analysis.</i>
4	Berkebolehan bekerja secara kumpulan menggunakan peralatan makmal dan mengukur parameter isyarat dan parameter litar. <i>Ability to work in a group using lab equipment and able to measure signal and circuit parameters</i>

KKKL1123 Teori Litar II
Circuit Theory II

Kursus ini adalah kesinambungan daripada kursus Teori Litar I. Ia memperkenalkan kepada pelajar mengenai teori asas dan konsep matematik bagi menganalisa litar AC. Kursus ini turut menerangkan kepada pelajar mengenai litar diod penerus; sistem kuasa sefasa dan tiga-fasa, serta pengubah. Teknik jelmaan Laplace; siri Fourier; jelmaan Fourier; fungsi pindah; lohong dan sifar; sambutan frekuensi; gambarajah Bode; serta teorem nilai awal dan akhir akan diaplikasikan dalam analisa litar analog dalam domain frekuensi. Rangkaian dua-pangkalan diperkenalkan kepada pelajar di akhir kursus ini.

This course is the continuation of Circuit Theory I. In this course, students will be introduced to basic theories and mathematical concepts to analyze AC circuits. Course contents will cover diode rectifier circuits; single-phase and 3-phase power systems; as well as transformers. Laplace transform; Fourier series; Fourier transform; transfer functions; poles and zeros; frequency response; Bode plot; and Initial- and Final Value Theorem will be applied in the analysis of analog circuits in frequency domain. At the end of the course, two-port networks will be introduced.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL1113 Teori Litar I

Pre-requisite (if any):

KKKL1113 *Circuit Theory I*

Bacaan Asas:

References:

- Alexander , C. K., Sadiku, M. N. O. 2013. Fundamentals of Electric Circuit. 5/e. McGraw Hill.
- Irwin, J. D., Nelms, R. M. 2011. Basic Engineering Circuit Analysis. 10/e. Wiley.
- Nilsson, J. W., Riedel, S. A. 2011. Electric Circuits. 9/e. Prentice Hall.
- Rizzoni, G. 2007. Electrical Engineering. 5/e. McGraw Hill.
- Hyat, W.H., Kemmerly, J. E., Durbin, S.M. 2007. Engineering Circuit Analysis. 7/e. McGraw Hill.

Hasil Pembelajaran:

Course Outcomes:

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	<i>Berkebolehan untuk menerangkan serta memahami konsep litar diod penerus, RLC, poli-fasa dan litar gandaan teraruh. Ability to explain and understand diode rectifier circuits, RLC circuits, poly-phase and magnetically coupled circuits.</i>
2	<i>Berkebolehan untuk memerihalkan fungsi pindah dalam satah s dalam gambarajah Bode Ability to describe the transfer function in s-domain for Bode Plot</i>
3	<i>Berkebolehan untuk mengaplikasikan Jelmaan Laplace dalam menyelesaikan masalah litar Ability to apply the Laplace Transform in solving circuits</i>
4	<i>Berkebolehan menyelesaikan masalah litar menggunakan teknik analisis frekuensi Ability to solve circuits using frequency analysis techniques</i>

KKKL1133 Fizik Untuk Jurutera ***Physics for Engineers***

Matlamat kursus ini ialah untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep asas hukum fizik yang boleh diaplikasikan dalam bidang kejuruteraan. Topik-topik meliputi sains bahan, asas mekanik gunaan, termodinamik dan proses pemindahan haba. Dalam sains bahan, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pengklasifikasian bahan, teori model dan tenaga atom, daya-daya yang mengikat atom, ion dan molekul, struktur bahan hablur dan tidak hablur, dan sifat-sifat mekanik bahan. Asas mekanik gunaan pula akan meliputi tajuk-tajuk seperti daya, vektor, komponen segiempat daya, keseimbangan dalam dua dan tiga dimensi dan beberapa jenis analisis daya. Dalam termodinamik, pelajar akan mempelajari konsep haba kerja dan sistem, keadaan bendalir kerja, hukum pertama termodinamik (keabadian tenaga, persamaan tak alir), hukum kedua termodinamik (enjin haba, entropi). Dalam proses pemindahan haba, ia merangkumi prinsip dan pengiraan asas pemindahan haba melalui konduksi, perolakan dan radiasi. Selain itu, peralatan pertukaran haba seperti penukar haba, relau dan penyejat, kesan tunggal dan kesan berganda akan turut diperkenalkan.

The objective of the course is to introduce the basic concepts of Physics to the engineering students. The topics include material science, basic applied mechanics, thermodynamics and heat transfer process. In material science, students will be exposed to the classifications of material, model theory, and atomic energy, atomic binding energy, ions and molecules, crystalline and non-crystalline structure and mechanic of material properties. Basic applied mechanics covers force, vectors, parallelogram of forces, balancing forces in two and three-dimension and types of force analysis. In thermodynamics, the students will learn the concepts of heat, work and system, state of working fluid, first law of thermodynamics (conservation of energy, non-flow equation), Second law of thermodynamics (heat engines, entropy). The topic also includes the principles and calculations of basic heat transfer through conduction, convection and radiation. The heat exchange equipment, such as heat exchanger, furnace and evaporator, single and multiple effects will also be introduced.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:
References:

- Callister W. D. 2013. *Materials Science and Engineering: An Introduction*. 9th ed. New York: John Wiley.
- Randall D. Knight. 2012. *Physics for Scientists and Engineers: A Strategic Approach with Modern Physics (3rd Edition)*, Addison-Wesley.
- Tipler, P. and Mosca, G. 2008. *Physics for Scientists and Engineers. Volume 2.6/e*. Edition Freeman.
- Hibbeler, R. C. 2007. *Engineering Mechanics Statics.11/e SI Units*, Prentice Hall. Pearson Malaysia.
- Cengel, Y. A. 2007. *Introduction to Thermodynamics and Heat Transfer*. 2nd ed. New York: McGraw Hill.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan memperihalkan fungsi asas dan kegunaan sains bahan, mekanik gunaan, termodinamik dan proses pemindahan haba dalam bidang kejuruteraan. <i>Ability to define the general function and material science application, applied mechanics, thermodynamics and heat transfer in engineering.</i>
2	Berkebolehan menerangkan istilah, konsep dan prinsip-prinsip asas dalam sains bahan, mekanik gunaan, termodinamik dan proses pemindahan haba dan hubungan timbal balik setiap topik yang dipelajari. <i>Ability to explain terms, concepts and main principles in applied mechanics, thermodynamics, and heat transfer and reciprocity relationship for each taught topics.</i>
3	Berkebolehan mengaplikasikan konsep dan hubungan kepada permasalahan kualitatif dan kuantitatif dalam sains bahan, mekanik gunaan, termodinamik dan proses pemindahan haba. <i>Ability to apply the concept and relationship of qualitative and quantitative in material science, applied mechanics, thermodynamics, and heat transfer process.</i>
4	Berkebolehan menganalisa dan menyelesaikan pelbagai pengiraan masalah kejuruteraan dalam sains bahan, mekanik gunaan, termodinamik dan proses pemindahan haba. <i>Ability to analyze and solve mathematical engineering problems in material science, applied mechanics, thermodynamics, and heat transfer process.</i>

KKKL1141 Makmal Elektrik dan Elektronik I ***Electrical and Electronics Laboratory I***

Kursus ini bermatlamat untuk membolehkan pelajar memahami dengan lebih mendalam konsep litar elektronik analog. Kursus makmal ini melibatkan aspek-aspek uji kaji litar elektronik analog yang merangkumi asas litar, litar Thevenin/Norton, pencirian diod, litar salunan sesiri dan selari, penuras pasif, dan jambatan Wheatstone. Di penghujung semester, pelajar berpeluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknikal mereka dalam ujikaji kotak hitam.

This course is to enable the students to have in-depth understanding in analogue electronics circuit concepts. This laboratory course consists of experiments on basic analogue electronics circuits, Thevenin/Norton Circuits, diode Characteristics, serial and parallel resonant circuits, passive filters, and wheatstone bridge. Towards the end of the semester, the students will be given the opportunity to apply their knowledge and technical competencies in a black box experiment.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:

References :

Manual Makmal Elektrik & Elektronik 1. 2015. Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Irwin, J. D., Nelms, R. M. 2011. *Basic Engineering Circuit Analysis*. 10/e. Wiley.

Nilsson, J. W., Riedel, S. A. 2011. *Electric Circuits*. 9/e. Prentice Hall.

Floyd, T. L. 2007. *Electronic Devices*. New York: Macmillan Publishing Comp.

Neaman, D. A. 2007. *Microelectronics Circuit Analysis and Design*.

New York: McGraw Hill

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk menerangkan ciri-ciri pelbagai litar yang berbeza, termasuk litar penuras pasif. <i>Ability to explain characteristics of different circuits including the different type of passive filters.</i>
2	Berkebolehan mengaplikasi pengetahuan asas dalam pemasangan litar dengan menggunakan komponen-komponen elektronik yang sesuai. <i>Ability to apply basic knowledge in circuit construction using suitable electronic components.</i>
3	Berkebolehan untuk menganalisis dan mengukur litar salunan RLC. <i>Ability to analyse and measure RLC resonance circuit.</i>
4	Berkebolehan untuk mereka bentuk dan membina litar pengukuran jambatan Wheatstone <i>Ability to design and construct Wheatstone Bridge measurement circuit.</i>

KKKL1163 Bahasa Pengaturcaraan Programming Language

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan, pemahaman dan kemahiran kepada pelajar mengenai praktis pengaturcaraan komputer yang bagus. Kursus ini merangkumi pengenalan kepada sistem komputer dan bahasa pengaturcaraan. Konsep dan elemen utama bahasa pengaturcaraan aras tinggi seperti pernyataan kawalan, fungsi, tatasusunan, struktur data dan lain-lain akan didedahkan secara mendalam. Selain itu, pelajar akan didedahkan mengenai kaedah pengaturcaraan berasaskan grafik. Kursus ini menjadi asas kepada penggunaan bahasa pengaturcaraan dalam bidang kejuruteraan. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan ialah bahasa C.

The objective of this course is to equip the student with knowledge, comprehension and ability to code based on good programming language practices. This syllabus of this course includes an introduction to the computer system as well as programming language. The students are exposed to main concepts and elements in high level programming that covers decision control, function, array, data structure and many more. Besides that, the students will be exposed to graphical based coding practices. This course will be the foundation to programming language in the engineering field. Programming language that will be taught is C language.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas: References :

- Stephen G. Kochan. 2014. *Programming in C. 4th Edition*. Addison-Wesley Professional.
- Greg P. & Dean M. 2013. *C Programming Absolute Beginner's Guide*. 3rd. Edition. Que Publishing.
- Deitel, H. M. & Deitel P. J. 2012. *C: How to Program. 7th. edition*. Prentice-Hall.
- Jeri R. H. & Elliot B. K., 2012. *Problem Solving and Program Design in C*. 7th Edition. Prentice-Hall.
- Hanly, J. R. & Koffman E. B. 2000. *C Program Design for Engineers*. 2nd Edition. Addison-Wesley.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan untuk memperihalkan konsep utama dalam bahasa pengaturcaraan. <i>Ability to describe key concepts in programming languages.</i>
2	Berkebolehan menyelesaikan masalah kejuruteraan dengan kaedah pengaturcaraan komputer. <i>Ability to solve engineering problems with computer programming methods.</i>
3	Berkebolehan menghasilkan aplikasi pengaturcaraan yang mesra pengguna. <i>Capable of producing user-friendly application-based programming.</i>
4	Berkebolehan bekerja dalam satu kumpulan untuk membangunkan dan menilai satu program untuk aplikasi kejuruteraan dunia sebenar. <i>Ability to work in a team to develop and value a program for real-world engineering applications.</i>

KKKL2121 Makmal Elektronik Digi/ Digital Electronics Laboratory

Kursus makmal ini mendedahkan pelajar kepada implementasi get-get logik dalam unsur-unsur logik gabungan dan asas jujukan. Penggunaan get dalam penjanaan persamaan output dan jadual kebenaran bagi tujuan realisasi dengan menggunakan kaedah peminimuman rekabentuk dan kos juga diberikan penekanan. Pelajar juga didedahkan kepada jujukan dalam sistem flip flop dan penyelesaian masalah melalui rekabentuk Mealy dan Mesin Moore dan implementasinya dalam flip flop. Pelajar juga didedahkan kepada pengaturcaraan Verilog dan menggunakannya untuk rekabentuk mesin keadaan. Pelajar juga perlu membentangkan projek.

This laboratory-based course exposes students to logical gate implementation in the elements of combinational logic and sequential logic. Usage of gates in generating output equations and truth tables for equation realisation are covered, with the importance for minimizing design through reducing gates and cost. Students are also exposed to sequential flip-flop system and problem solving using the Mealy and Moore model and implementing it in flip-flops. In addition, students are taught on the Verilog programming language, using it to design state machines. In the end, students will be given a project to assess their lab skills.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:**References:**

- Brown, S. & Vranesic, Z. G. 2013. *Fundamentals of Digital Logic with VHDL Design* 4th edition. McGraw Hill Higher Education.
- Marcovitz, A. B. 2010. *Introduction to Logic Design*, 3/e. McGraw Hill.
- Dueck. 2007. *Digital Design with CPLD: Application and VHDL*. Thomson.
- Wakerly. 2004. *Digital Fundamentals with VHDL*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Roth, C. H. 2003. *Fundamentals of Logic Designs*. Mn: West Publishing Co.

Hasil Pembelajaran**Course Outcomes**

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk mengubah litar dari jadual kebenaran serta mengenalpasti persamaan output teringkas <i>Ability to convert circuits from truth tables and identifying a reduced output equation</i>
2	Berkebolehan untuk menggunakan bahasa atur cara verilog untuk membangunkan litar logik dan mengaplikasikannya pada papan litar FPGA <i>Ability to utilize the Verilog programming language to construct logical circuits and applying it on the FPGA board</i>
3	Berkebolehan untuk mereka bentuk dan mengubahsui litar kombinasi untuk menyelesaikan persamaan logik <i>Ability to design and rearrange a combinational circuit to solve logical equation</i>
4	Berkebolehan untuk mendefinisikan prinsip asas flip flop, rangkaian jujukan dan aplikasi <i>Ability to define the basic principles of flip-flops, sequential networks and its applications</i>
5	Berkebolehan untuk merekabentuk mesin keadaan, serta menyelesaikan dengan mengurangkan bilangan keadaan <i>Ability to design state machines and solving it using minimal states.</i>

KKKL2123 Isyarat dan Sistem Signals and Systems

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas tentang kaedah matematik untuk menganalisa isyarat dan sistem lurus dalam domain masa dan domain frekuensi. Tajuk-tajuk yang terkandung dalam kursus ini ialah konsep isyarat dan sistem, sistem linear masa-tak-berubah (LTI), siri Fourier, jelmaan Fourier, teori pensampelan, jelmaan Laplace, sambutan frekuensi dan penuras analog.

This course aims to give basic knowledge of mathematical methods to analyze signals and the linear systems in time domain and frequency domain. Topics included in this course are the concept of signals and systems, linear time-invariant system (LTI), Fourier series, Fourier transform, sampling theorem, Laplace transform, frequency response and analog filters.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL1123 Teori Litar II

Pre-requisite (if any):

KKKL1123 Circuit Theory II

Bacaan Asas:

References :

- Karris & Steven T. 2012. Signals and Systems with MATLAB Computing and Simulink Modeling, 5th Edition. Orchard Publications.*
- Roberts, M.J. 2011. Signals and Systems: Analysis Using Transform Methods & MATLAB, 2nd Edition. McGraw-Hill.*
- B.P. Lathi. 2009. Principles of Linear Systems and Signals, 2nd Edition. Oxford University Press, New York.*
- Chi-Tsong Chen. 2009. Signals and Systems: A Fresh Look. Oxford University Press, New York.*
- Alan V. Oppenheim, Alan S. Willsky, and S. Hamid. 1996. Signals and Systems, 2nd Edition. Prentice-Hall.*

Hasil Pembelajaran/

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan melakukan analisa ke atas isyarat masa selanjara dan sistem linear masa tak berubah. <i>Ability to perform analysis on continuous-time signal and linear time-invariant (LTI) system.</i>
2	Berkebolehan melakukan analisis siri Fourier dan jelmaan Fourier. <i>Ability to perform analysis of the Fourier series and Fourier transform.</i>
3	Berkebolehan melakukan analisis jelmaan Laplace. <i>Ability to perform analysis of the Laplace transform.</i>
4	Berkebolehan menganalisis sambutan frekuensi dan mereka bentuk penuras analog <i>Ability to analysis frequency response and design analog filters.</i>

KKKL2133 Medan dan Gelombang Elektromagnet ***Electromagnetic Fields and Waves***

Kursus ini adalah salah satu asas kepada kejuruteraan elektrik dan elektronik yang memperkenalkan konsep medan elektrik dan magnetik statik di dalam aplikasi kejuruteraan elektrik. Matlamatnya ialah supaya para pelajar dapat memahami dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan medan dan gelombang elektromagnet di dalam kejuruteraan. Bermula dengan topik analisa skalar dan vektor dalam tiga sistem kordinat berlainan iaitu Cartesian, silinder dan sfera, seterusnya kursus ini membincangkan: ciri-ciri dan sifat elektrik statik dan magnetik statik serta persamaan-persamaan berkaitan; hukum-hukum asas dalam elektromagnet statik; Keupayaan elektrik dan magnet; Jenis-jenis dan syarat-syarat sempadan medan; Kemuatan dan Kearuhan; Persamaan Maxwell.

This course is one of the fundamental courses in electrical and electronic engineering which will introduce the concept of electromagnetic wave and magneto static in electrical engineering applications. The aim of is this subject for students to understand the basic theory and apply their knowledge of electromagnetic wave and field. The course starts with the topic of scalar and vector analysis in three different fields, which are Cartesian, Cylindrical and Spherical. Then, it follows with: Electrostatic and magneto static characteristics and related equations; Electric and magnetic potentials; types and boundary conditions; insulator and impedance in medium; Maxwell's Equation.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKQ1123 MatematikKejuruteraanI (KalkulusVektor)

Pre-requisite (if any):

KKKQ1123 *Engineering Mathematics I (Calculus)*

Bacaan Asas:

References:

- Inan, U.S., Inan, A. & Said R. 2014. *Engineering Electromagnetics and Waves*, 2/e. Prentice Hall.
- Sadiku, M.N.O. 2014. *Elements of Electromagnetics*, 6/e. Oxford University Press.
- Ulaby F.T. 2014. *Fundamentals of Applied Electromagnetics*, 7/e. Prentice Hall International.

Iskander, M. F. 2012. *Electromagnetic Fields and Waves, 2/e*. Waveland Press Inc.

Hayt, Jr. W. H. & Buck, J. A. 2011. *Engineering Electromagnetics, 8/e*. McGraw-Hill Higher Education.

Hasil Pembelajaran Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan menerangkan dan menyelesaikan analisis vektor (operasi algebra vektor, pembezaan dan pengkamiran dalam tiga sistem koordinat) dan masalah-masalah elektromagnetstatik. <i>Ability to explain and solve vector analysis (algebraic vector operation, differentiation, and integration in three coordinate systems) and static electromagnetic problems.</i>
2	Berkebolehan mengaplikasikan hukum-hukum dan konsep-konsep elektromagnetstatik untuk menyelesaikan masalah-masalah kejuruteraan. <i>Capable of applying laws and concept of static electromagnetic to solve engineering problem.</i>
3	Berkebolehan mengenalpasti kesan aplikasi konsep gelombang elektromagnet terhadap kelestarian alam dan mencadangkan penyelesaian. <i>Ability to identify the effect of electromagnetic waves applications towards sustainability and to propose solutions.</i>
4	Berkebolehan untuk merekabentuk eksperimen di makmal bagi membuktikan konsep asas elektromagnetstatik. <i>Ability to design and conduct lab experiment to prove basic static electromagnetic concept.</i>

KKKL2151 Makmal Elektrik dan Elektronik II *Electrical and Electronics Laboratory II*

Kursus makmal ini ditawarkan pada Semester 1, untuk pelajar tahun 2. Makmal ini terbahagi kepada lapan ujikaji, satu projek berkumpulan serta peperiksaan pertengahan semester dan projek. Eksperimen-eksperimen ini akan memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang elektronik analog, instrumentasi dan pengukuran, serta dalam bidang elektromagnet. Bagi projek pelajar, ianya merangkumi topik-topik berkaitan dengan instrumentasi dan elektronik analog seperti penguat, sensor dan sebagainya.

This laboratory-based course is offered for the second year students in Semester 1. The laboratory session can be divided into eight experiments, one group project, mid-semester examination and final examination. These experiments will give exposure to the students to the field of analogue electronics, instrumentation and measurement and electromagnetic field. The student project covers topics related to the electronic instrumentation and analogue devices such as amplifiers, sensors and many other topics, which are covered throughout the course.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:

References:

Electrical and Systems Engineering Undergraduate Laboratory: University of Pennsylvania. <http://www.seas.upenn.edu/~ese206/> (atas talian). 7 Mac 2010. Introduction to Digital/Analog Electronics Lab Experiments. <http://ecee.colorado.edu/~mathys/ecen1400/labs/labs.html> (atas talian). 7 Mac 2010.

Boylestead, R. L. and Nashelsky, L. 2006. *Electronic Devices and Circuit Theory*, 9/e. New Jersey, Prentice Hall.

Floyd, T.L. 2005. *Electronic Devices*, 7/e. Prentice hall.
 Electric and Electronics Laboratory II Manual, Department of Electrical, Electronic and Systems Engineering, Faculty of Engineering, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan untuk membuktikan teori litar menerusi eksperimen. <i>Ability to prove circuit theory through experimental works.</i>
4	Kebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan bidang utama yang berkaitan dengan multimedia, yakni audio, imej dan video. <i>Ability to apply knowledge of the main areas associated with multimedia i.e. audio, image and video.</i>

**KKKT4133 Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer
Data Communication and Computer Networks**

Kursus ini mengambil kira rangkaian komunikasi komputer yang berstruktur lapisan. Ia meliputi senibina, protokol dan model komunikasi yang digunakan dalam Model Rujukan ISO. Konsep-konsep jalur lebar, hingar, pemerosotan dan lengah dipelajari semula untuk menyerlahkan batasan setiap skim pengkodan data. Masalah kawalan aliran dan ralat dan penyelesaiannya dibincangkan. Skim kawalan capaian medium (MAC) diperkenalkan. Skim

pencegahan pelanggaran MAC tanpa wayar juga turut dipersembahkan. Kemudian, teknik pensuisan litar & paket (litar maya & datagram) dibincangkan dengan algoritma penghalaan (lalu lintas singkat). Setelah mengambil kursus ini, pelajar akan berupaya untuk merekabentuk rangkaian setempat (LAN) sendiri dan hubungan dengan LAN yang lain melalui rangkaian luas (WAN). Pelajar juga akan memahami tentang operasi protokol ini yang luas penggunaannya dalam penyediaan hubungan Internet dan Intranet.

This course considers computer communication network and structural layers. It covers communication models, architecture and protocols which are considered in ISO Reference Model. The concepts of bandwidth, noise, attenuation and delay are recalled to highlight the limitations of each of the data encoding schemes. Flow and error control problems and their solutions are then discussed. Medium access control (MAC) schemes are introduced. Wireless MAC collision prevention schemes are also presented. Then, circuit & packet (virtual circuit & datagram) switching techniques are discussed with routing algorithms (shortest path). After completing this course, the student will be able to design a Local Area Network (LAN) and connection of LAN with wide area network (WAN). The students will also be able to understand the operational protocol with usage Internet and Intranet.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:
References:

Stallings, W. 2014, *Data and Computer Communications*, 10/e, Prentice Hall.
 B.A. Forouzan, 2012, *Data Communications and Networking*, 5/e, McGraw Hill.
 Kurose, J.F. & Ross, K.W. 2012. *Computer Networking: A Top-down Approach*, 6/e, Pearson.
 Tanenbaum, A. S. 2010, *Computer Network*, 5/e, Prentice Hall.
 Molisch, A. F. 2010. *Wireless Communication*, 2/e, Wiley.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Kebolehan dalam membincangkan teknik-teknik asas komunikasi data, kekangan dan kelebihannya dengan teknik terkini pasaran atau yang akan timbul kemudiannya. <i>Ability to discuss the main data communication techniques, their limitations and advantages with applications to recent techniques.</i>
2	Kebolehan dalam menilai prestasi penggunaan talian komunikasi, lengah dan sebagainya. <i>Ability to evaluate the performance of a communication link.</i>
3	Kebolehan dalam mengaplikasikan pengetahuan dalam sistem pensuisan asas dan algorithma penghalauan. <i>Ability to apply the knowledge of main switching systems & routing algorithms.</i>
4	Kebolehan menilai kemajuan rangkaian dan kekangannya. <i>Ability to evaluate the network progress and its constraint.</i>

KKKT4143 Rekabentuk VLSI

VLSI Design

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan asas dan kaedah merekabentuk litar bersepadu VLSI (Very Large Scale Integration). Kursus ini memberi tumpuan khusus kepada rekabentuk digit di samping menyentuh litar analog. Kuliah akan bertumpu kepada analisa sistematik dan asas rekabentuk litar bersepadu. Pelajar juga akan didedahkan kepada kemahiran perisian komputer yang berkaitan dengan rekabentuk VLSI yang mana pada masa yang sama akan meningkatkan kreativiti yang diperlukan untuk diaplikasikan di dalam bidang Kejuruteraan Elektronik.

Kursus ini adalah wajib bagi semua pelajar program Kejuruteraan Mikroelektronik.

The aim of this course is to give the background and methods for designing VLSI (Very Large Scale Integration) integrated circuits. This course will give more emphasis on the digital design but will include parts of the analog design. Teaching will focus on the systematic analysis and design of basic integrated circuits. Students will also be exposed to computer skills related to VLSI design which will simultaneously assist in increasing the creative skills needed to be applied in the field of Electronic Engineering.

This course is compulsory for Microelectronic Engineering students.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKT3253 Mikroelektronik

Pre-Requisite (if any):

KKKT3523 Microelectronics

Bacaan Asas:**References:**

Neil H.E. Weste, David Harris. 2010. *CMOS VLSI Design: A Circuits and Systems Perspective*. 4th Edition. USA: Pearson Education.

Jan M. Rabaey. 2nd edition, 2003. *Digital Integrated Circuits: A Design Perspective*. USA: Prentice-Hall.

Hasil Pembelajaran**Course Outcomes**

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan untuk merekabentuk litar VLSI menggunakan perisian EDA. <i>Ability to design VLSI circuits using EDA tools.</i>
2	Berkebolehan untuk merekabentuk litar VLSI untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan. <i>Ability to design VLSI circuits to solve engineering problems.</i>
3	Berkebolehan untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah/kekangan di dalam litar. <i>Ability to identify and solve problems/disturbance in circuits.</i>
4	Berkebolehan untuk memahami pengoptimuman litar untuk mencapai objektif tertentu. <i>Ability to understand circuit optimization techniques to achieve the required objectives.</i>

KKKT4153 Kejuruteraan Elektromagnet
Electromagnetic Engineering

Merupakan kursus lanjutan selepas kursus Medan dan Gelombang Elektromagnet yang memberi penekanan kepada medium penghantaran dan gelombang mikro. Kursus dimulai dengan talian penghantaran dan kaedah penyelesaiannya. Seterusnya perambatan gelombang satah, penghantaran dan pemantulan gelombang, kaedah pepadanan galangan dan Carta Smith diperkenalkan. Kursus ini di akhiri dengan pengenalan kepada pandu gelombang mikro, rangkaian gelombang mikro, antena dan perambatan gelombang dan aplikasi dan pengukuran gelombang mikro. Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkenalkan pelajar kepada unsur-unsur penting dalam bidang kejuruteraan elektromagnet seperti konsep talian penghantaran, fenomena perambatan gelombang dan aplikasi gelombang mikro dalam kejuruteraan.

This course is the extension of Electromagnetic Field and Waves which gives emphasis on transmission medium and microwaves. The course begins with transmission lines and its solutions methods and followed by plane wave propagation, waves transmission and reflection, impedance matching and Smith Charts. This course will be ended by the introduction to the microwaves guides, microwave network, antenna and wave propagation and microwaves measurement. The main objective is to introduce the students to the important elements in electromagnetic waves concepts e.g. transmission line concept, waves propagation phenomena and the application of microwaves in engineering.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL2133 Medan & Gelombang Elektromagnet

Pre-Requisite (if any):

KKKL2133 *Electromagnetic Field and Waves*

Bacaan Asas:

References:

- Matthew, N.O. Sadiku. 2014. *Element of Electromagnetic*, 6/e. Oxford University Press.
- Ulaby, F. T. 2014. *Fundamental of Applied Electromagnetic*, 7/e. Prentice-Hall International.
- Gustrau, F.. 2012. *RF and Microwave Engineering: Fundamentals of Wireless Communications*, 1/e. Wiley.
- Pozar, D. M. 2011. *Microwave Engineering*, 4/e. Addison-Wesley.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan merekabentuk talian penghantaran sepadan menggunakan teknik pemadanan dan menilai prestasi rekabentuk tersebut. <i>Ability to design a matched transmission line using impedance matching techniques and to evaluate the performance of the design.</i>
2	Berkebolehan mengaplikasikan prinsip-prinsip gelombang elektromagnet untuk menyelesaikan masalah-masalah kejuruteraan. <i>Ability to apply the electromagnetic waves principles to solve the related engineering problems.</i>

3	Berkebolehan menganalisis dan mengkategorikan pandu gelombang elektromagnet berdasarkan parameter gelombang. <i>Ability to analyse and categorize the electromagnetic waveguide based on its parameters.</i>
4	Berkebolehan menganalisa kesan-kesan gelombang electromagnet terhadap alam sekitar dan memberi saranan penyelesaian. <i>Ability to analyse the effects of electromagnetic waves on the environment and to provide suitable solutions.</i>

KKKT4162 Projek Ilmiah I ***Project I***

Satu kajian ilmiah yang berkaitan dengan bidang kajian/pengkhususan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem yang mesti disediakan oleh setiap pelajar tahun akhir sebagai memenuhi syarat bagi penganugerahan Ijazah Sarjanana Muda Kejuruteraan. Projek ini berbentuk penyelidikan yang merangkumi penganalisisan data, pembangunan perisian atau perkakasan. Setiap pelajar dikehendaki menyediakan satu laporan lengkap yang sekurang-kurangnya mengandungi pengenalan, objektif kajian, kajian kepustakaan, metodologi kajian, jadual kerja dan senarai rujukan. Pelajar juga perlu menunjukkan keputusan awal penyelidikan. Projek ini akan diteruskan dalam kursus KKKT4164 pada semester berikutnya.

An academic research that related to research field/ specialisation at Department of Electrical, Electronic and Systems Engineering that must be prepared by all final year students as to fulfil the requirements for bachelor degree of engineering awarded. This project is a type of research that involves data analysis, software or hardware development. Each student are expected to prepare a complete report that at least contains introduction, objectives, literature review, research methodology, project schedule planning and references. The students also are required to attach the research preliminary status. This project will be continued in KKKT4164 in the subsequent semester.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:

References:

Pusat Pengurusan Siswazah. 2010. *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM. Edisi semak kedua.* Penerbit UKM.

Mohd Jailani Mohd Nor, Zulkifli Mohd Nopiah, Ahmad Kamal Arifin Mohd Ihsan.

2003. *Kaedah Penyelidikan Kejuruteraan, Jabatan Kejuruteraan Mekanik dan Bahan*, UKM.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan dalam menangani suatu masalah kejuruteraan yang signifikan. <i>Ability to apply engineering knowledge and skills in handling any significant engineering problem.</i>
2	Berkebolehan menakrif pernyataan masalah kejuruteraan dan mengenalpasti kaedah penyelesaian <i>Ability to define engineering problem statement and identify suitable solutions.</i>
3	Berkebolehan menilai hasil kerja/kertas kerja penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan projek. <i>Ability to assess previous research work/proposal related to project.</i>
4	Berkebolehan merekabentuk dan melaksanakan penyelesaian yang sesuai untuk sesuatu masalah kejuruteraan. <i>Ability to design and execute solutions suitable for any certain engineering problem.</i>
5	Berkebolehan merancang dan menguruskan satu projek penyelidikan dengan jayanya. <i>Ability to plan and manage a research project successfully.</i>

KKKT4163 Teknologi Fotonik

Photonics Technology

Matlamat kursus ini ialah untuk menyampaikan pengetahuan tentang penggunaan teknologi fotonik dalam berbagai bidang terutamanya komunikasi gentian optik (analog dan digital), sistem penghantaran dan penerimaan isyarat optik, pemprosesan isyarat, industri berkaitan fotonik, pengukuran dan penderiaan berdasarkan prinsip-prinsip optik geometri, sinar, gelombang dan optik kuantum. Pengenalan kepada teknologi laser dan juga peranti seperti diod pengesan cahaya, pengganding optik, pemodulat optik dan sebagainya juga diterapkan. Selain itu, proses fabrikasi peranti-peranti tersebut berdasarkan gentian dan teknologi planar juga disentuh. Pelajar juga akan didedahkan tentang pengendalian peralatan optik seperti OTDR, mesin penyambat gentian optik, penganalisis spektrum optik (OSA) dan sebagainya yang terdapat di Makmal Teknologi Fotonik UKM.

The aim of this course is to convey knowledge about the use of photonics technology in various fields especially optical fiber communications (analog and digital), optical transmitter and receiver systems, signal processing, photonic industry, measurement and sensing system based on principles of geometric optics, light, wave and quantum optics. An introduction on laser technology and optical devices such as photodiode, optical coupler, optical modulator etc is also included. In addition, the fabrication process of these devices based on fiber and planar technologies is also discussed. The students are also exposed to the handling of optical equipment that are provided at the UKM Photonic Laboratory such as OTDR, optical splicer machine, optical spectrum analyzer (OSA) etc.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL2133 Medan dan Gelombang Kejuruteraan Elektromagnet

Pre-Requisite (if any):

KKKL2133 *Electromagnetic Wave and Field*

Bacaan Asas:

References:

- Eugene H. 2015. *Optics, 5/e. Addison-Wesley*
 Keiser, G. 2013. *Optical Fiber Communications, 5/e. Mc Graw Hill Education.*
 Kasap, S. O. 2012. *Optoelectronics and Photonics: Principles & Practices, 2/e,* Prentice Hall.
 John M. S. 2008. *Optical Fiber Communications Principles and Practice, 3/e.* Prentice Hall
 Saleh, B.E.A. & Teich, M.C. 2007. *Fundamentals of Photonics.*Wiley.
 Yariv, A. 2004. *Optical Electronics and Modern Optical Communication, 5/e.* Wiley.
 Lifante, G., 2003. *Integrated Photonics: Fundamentals.*Wiley.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan merekabentuk komponen dan sistem optik berdasarkan pengetahuan teknologi optik. <i>Ability to design component and optical system based on optical technology knowledge.</i>

2	Berkebolehan mengenalpasti dan mengguna peralatan serta komponen yang berkaitan. <i>Ability to identify and use the related equipment and component.</i>
3	Berkebolehan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi fotonik pada masa kini. <i>Ability to solve problems associated with the current photonics technology.</i>
4	Berkebolehan menganalisa, mensintesis, merumus dan membentangkan penyelesaian masalah yang berkaitan bidang teknologi fotonik. <i>Ability to analyze, synthesize, formulate and present a problem-solving in areas related to photonics technology.</i>

KKKT4164 Projek Ilmiah II

Project II

Kursus ini merupakan sambungan kepada projek ilmiah, KKKT 4162. Hasil kerja projek bersama-sama dengan kerja yang dilakukan dalam projek ilmiah I perlu dilaporkan dalam satu laporan akhir berbentuk disertasi. Format penulisan perlu mengikut format dalam panduan menulis tesis Gaya UKM. Projek ini akan dinilai oleh penyelia dan ahli jawatankuasa dalam bentuk pemeriksaan tesis dan lisan pada penghujung semester berkenaan.

This course is a continuation of Project I, KKKT 4162. Project results together with the work done in Project I have to be documented in a final report in a form of dissertation. The writing format has to follow specifications in the writing guidelines for thesis writing using the UKM style. This project will be evaluated by the supervisor and another assessor in the form of a thesis, technical report and oral assessment at the end of the semester.

Pra-Keperluan (jika ada)

KKKT4162 Projek Ilmiah I

Pre-Requisite (if any):

KKKT4162 Project I

Bacaan Asas:

References:

Pusat Pengurusan Siswazah. 2010. *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM. Edisi semak kedua.* Penerbit UKM.

Mohd Jailani Mohd Nor, Zulkifli Mohd Nopiah, Ahmad Kamal Arifin Mohd Ihsan. 2003. *Kaedah Penyelidikan Kejuruteraan, Jabatan Kejuruteraan Mekanik dan Bahan,* UKM.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan menakrif pernyataan masalah kejuruteraan dan mengenalpasti kaedah penyelesaian sesuai. <i>Ability to define engineering problem statement and identify suitable solutions.</i>
2	Berkebolehan menilai hasil kerja/kertas kerja penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan projek. <i>Ability to assess previous research work/proposal related to project.</i>
3	Berkebolehan merekabentuk dan melaksanakan penyelesaian yang sesuai untuk sesuatu masalah kejuruteraan <i>Ability to design and execute solutions suitable for any certain engineering problem.</i>
4	Berkebolehan merancang dan menguruskan satu projek penyelidikan dengan jayanya <i>Ability to plan and manage a research project successfully.</i>
5	Berkebolehan menganalisa dan mentafsirkan data/hasil dari eksperimen/projek. <i>Ability to analyse and interpret data/ outcomes from experiment/project.</i>

KKKT4173 Rangkaian dan Keselamatan

Network and Security

Kursus ini merupakan kursus pelengkap kepada beberapa kursus komunikasi seperti Komunikasi Data dan Telekomunikasi. Berpandukan kepada model 7 lapisan OSI, kursus ini akan lebih menumpukan kepada lapisan rangkaian dan ke atas. Pada lapisan rangkaian ini, kaedah pengalamatan IP dan cara membuat sub-rangkaian akan diperkenalkan. Di samping IPv4, pengalamatan IPv6 juga akan diterangkan. Lapisan berikutnya adalah lapisan pengangkutan yang menghubungkan lapisan rangkaian kepada lapisan applikasi. Keselamatan rangkaian akan diterangkan pada keperluan keselamatan setiap lapisan. Ini termasuklah IPSec, tembok api, lapisan soket selamat (SSL) dan SSH. Jenis-jenis ancaman keselamatan rangkaian dan kaedah untuk mengatasinya juga akan diterangkan.

This course is a complement course to some communication courses such as Data Communication and Telecommunication. Based on the OSI 7 layer model, this course will give more emphasis on the network layer and the layers above it. In the network layer, methods of IP addressing and subnetwork creation will be introduced for both IPv4 and IPv6. The next layer is the transport layer, which connects the network layer to the application layer. Network security for the requirements of each layer will be discussed. This includes IPSec, firewall, Secure Socket Layer (SSL) and SSH. Types of threats in networking security and methods to overcome them will also be described.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL2183 Teori Komunikasi

KKKT4133 Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer

Pre-Requisite (if any):*KKKL2183 Communication Theory**KKKT4133 Data Communication and Computer Network***Bacaan Asas:*****References:***

Stallings, W., 2014, *Data and Computer Communications*, 10th Edition.
New York: Pearson, ISBN: 978-1-292-01438-8.

Stallings, W., 2014, *Cryptography and Network Security: Principles and Practice*, 6th Edition, New York: Pearson, ISBN: 978-0133354690.

Forouzan, B.A. and Fegan, S.C., 2012, *Data communication and networking*, 5th edition. New York: McGraw-Hill, ISBN: 978-981-4577-51-9

Tanenbaum, A.M., 2010, *Computer Networks*, 5th edition, New Jersey, Prentice Hall, 978-0132126953.

Cole, E., 2009, *Network Security Bible*, 2nd Edition, Indiana: Wiley Publishing, Inc., ISBN: 978-0470502495

Hasil Pembelajaran***Course Outcomes***

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Kebolehan untuk merekabentuk rangkaian data komunikasi menggunakan pengetahuan tentang komponen rangkaian dan menggunakan teknologi terkini berdasarkan IPv4 dan IPv6. <i>Able to design a data communication network using knowledge of standard network components and current technology based on IPv4 and IPv6.</i>
2	Kebolehan untuk menggunakan pengetahuan dalam sistem rangkaian dalam mengenalpasti masalah dan penyelesaiannya. <i>Able to apply knowledge to identify problems in a network and design solutions to overcome these problems.</i>
3	Kebolehan untuk menilai prestasi dan kekangan rangkaian yang sedia ada. <i>Able to evaluate the performance and constraints of the existing network.</i>
4	Kebolehan untuk mengenalpasti ancaman dan membina rangkaian yang selamat dengan menggunakan teknologi keselamatan terkini. <i>Able to identify threats and design a secure network using the latest security technology.</i>

KKKT4183 Teknologi Peranti Termaju ***Advanced Devices Technology***

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada peranti-peranti yang menggunakan kesan elektron panas, peranti gelombang mikro dan peranti-peranti frekuensi tinggi yang lain. Tajuk tentang MOSFET submikron juga dibincangkan seperti mana juga teknologi penyimpanan data termasuk CCD, OEIC, mikromesin dan mikrosensor juga dimasukkan.

The aim of this course is to give knowledge and understanding of the devices that use hot electron effects, microwave devices, high-frequency devices etc. Titles on submicron MOSFETs are also discussed, as well as data storage technologies including CCD, OEIC, micro-machine and micro-sensor also are included.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKT3253 Mikroelektronik

Pre-Requisite (if any):

KKKT3253 *Microelectronics*

Bacaan Asas:

References:

- Simon M. Sze, Ming-Kwei Lee, 2012. *Semiconductor Devices: Physics and Technology*, 3rd ed., Wiley
- Sze, S.M. & Ng, K.K. 2007. *Physics of Semiconductor Devices*. 3rd Ed. New Jersey: John Wiley.
- Ng, K.K. 2002. *Complete Guide to Semiconductor Devices*. New York: McGraw-Hill.
- Pierret, R.F. 2002. *Advanced Semiconductor Fundamentals*, 2nd Ed. Englewood Cliff: Prentice Hall.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan untuk menghuraikan prinsip asas peranti semikonduktor termaju serta penyelesaian analitik dan hadnya. <i>Ability to describe the basic principles of advanced semiconductor devices as well as analytical solutions and the limitation.</i>

2	Berkebolehan untuk menerangkan kesan sifat bahan dan suhu ke atas prestasi peranti. <i>Ability to explain the effect of temperature on material properties and devices performance.</i>
3	Berkebolehan untuk mengaplikasi teori asas semikonduktor dengan penekanan kepada angkutan pembawa dan kelincahan elektron dalam pelbagai aplikasi. <i>Ability to apply the basic theory of semiconductors with emphasis on on carrier transport and mobility of electrons in numerous applications.</i>
4	Berkebolehan untuk membuat laporan bertulis tentang penyelidikan terkini dalam teknologi mikroelektronik termaju. <i>Ability to make written reports about the latest research in advance microelectronics technologies.</i>

KKKT4193 Komunikasi Radio dan Satelit ***Radio and Satellite Communication***

Kursus ini akan mengkaji dua sistem komunikasi iaitu sistem komunikasi radio khususnya radio selular dan peribadi serta sistem komunikasi satelit. Bermula dengan sejarah, perkembangan dan piawaian, seterusnya prinsip asas mengenai sistem tersebut akan diterangkan. Kursus ini juga melibatkan kajian kesan perambatan dan pemudaran, perancangan sel, belanjawan pautan dan trafik, skema capaian dan modulatan serta rekabentuk sistem. Beberapa aplikasi komunikasi radio dan satelit turut dibincangkan.

This course explores two communication systems i.e. radio communication, specifically radio and personal cellular, as well as satellite communication system. This course begins with the history, development and standard; after that, basic principles on the system will be discussed. This course also involves the study on the effects of propagation and fading, cell planning, link budget and traffic, modulation and access scheme as well as system design. The applications of radio and satellite communication are also discussed.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-Requisite (if any): None

Bacaan Asas:

References:

- Beard & Stallings. 2015. *Wireless Communication Network and Systems*, 1/e. Pearson
- Anil K. M & Varsha A. 2014. *Satellite Technology: Principles and Applications*, 3/e. Wiley and Sons
- Madhavendra R. 2014. *Mobile Satellite Communications: Principles and Trends* , 2/e. Wiley and Sons.

Andreas, F Molisch, 2011. *Wireless Communication*, 2/e. Wiley and Sons
Singal, T/L. 2010. *Wireless Communication System*, 1/e, Tata McGraw-Hill Ed.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Kebolehan untuk membezakan piawai dan migrasi sistem komunikasi tanpa wayar selular dan satelit dan menerangkan prinsip-prinsip asas radio selular berdasarkan gangguan sistem. <i>Ability to differentiate the migration and standard of a communication system for wireless cellular and satellite and explain the principle of basic cellular radio based on system interference</i>
2	Kebolehan untuk menjangka tujuan belanjawan pautan dan jangkauan liputan menggunakan kesan perambatan terhadap rekabentuk sistem komunikasi radio dan satelit dan model kehilangan laluan. <i>Capability to predict the link budget purpose and the coverage prediction by using propagation effects towards radio and satellite communication system design and path loss model.</i>
3	Kebolehan untuk mengaplikasikan teknik perancangan saluran, gred perkhidmatan, penambahbaikan kapasiti dan kecekapan spektrum. <i>Ability to apply channel planning technique, service grade, capacity enhancement and spectrum efficiency.</i>
4	Kebolehan untuk menggunakan peralatan dan perisian bagi memantau liputan rangkaian berdasarkan kedudukan. <i>Ability to utilize the instruments and software for network coverage monitoring based on location.</i>

KKKT4203 Rangkaian Telekomunikasi

Telecommunication Networks

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada: Sejarah telekomunikasi; reka bentuk rangkaian, prestasi dan pengurusan. Melangkah pendahuluan sedikit dengan memperkenalkan asas-asas sains rangkaian dan analisis. Ditambah dengan pengenalan kepada teori queing salah satu teknik analisis rangkaian yang umum. Objektifnya adalah untuk menyediakan pelajar dengan pemahaman asas rangkaian digital dan keupayaan menggunakan pengetahuan ini untuk aplikasi. Penilaian objektif pengetahuan akan dijalankan melalui pemeriksaan; dan aplikasi (iaitu, pemilihan dan pengurusan) dengan objektif penggredan projek individu dan kumpulan dan kajian kes. Sesi seminar dari Industri berkaitan akan diatur untuk memperkenalkan keperluan semasa industri telekomunikasi dan penyelidikan. Kursus ini adalah mengenai teknologi digital dan bagaimana ia berfungsi, ia bukan kursus praktikal, atau kursus latihan untuk melatih peralatan tertentu dan / atau aplikasi. Walaubagaimanapun akan ada demonstrasi teknologi yang berkaitan, kursus ini bukan intensif peralatan dan tidak akan melibatkan keperluan teknologi khas luar biasa selain daripada akses kepada komputer dan Internet.

The course includes an introduction to: telecommunications history; network design, performance and management. Moving a little advance by introducing the basics of network science and analysis. Added with an introduction to queuing theory one of the most common network performance analysis technique. Its objective is to provide the students with a basic understanding of the working of digital networks and the ability to apply this knowledge to specific applications and situations. Evaluation of knowledge objectives will be by examination; and of application (i.e., selection and management) objectives by grading of group and individual projects and case studies. Industry related seminar sessions will be arranged to introduce the current needs of telecommunication industries and related researches. While the course is about digital technology and how it works, it is not a “hands on” course, or a training course in particular equipment and/or applications. While there will be demonstrations of relevant technologies, the course is not equipment-intensive and will not involve special technology needs beyond the normal access to computing and the Internet.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKT4133 *Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer*

Pre-Requisite (if any):

KKKT4133 *Data Communication and Computer Networks*

Bacaan Asas:

References:

Russ White, 2014, *The Art of Network Architecture: Business-Driven Design (Networking Technology)*, Cisco Press. ISBN-10: 1587202832; ISBN-13: 978-1587202834

Giambene, Giovanni., 2014, *Queuing Theory and Telecommunications Networks and Applications*. Springer US; ISBN 978-1-4614-4083-3

Roger L. Freeman, 2013, *Fundamentals of Telecommunications*, Wiley-IEEE Press; 2 edition (August 12, 2013); ISBN-10: 0471710458; ISBN-13: 978-0471710455

Mani Subramanian, 2012, *Network Management: Principles and Practices (2nd Edition)*, publisher: Prentice Hall; 2 edition (May 17, 2012); ISBN-10: 8131734048; ISBN-13: 978-8131734049

Thomas Bonald, Mathieu Feuillet, 2011, *Network Performance Analysis, October 2011*, Wiley-ISTE; ISBN: 978-1-84821-312-8

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk mengenali perkhidmatan telekomunikasi terkini dan masa hadapan, serta piawaian dan badan organisasi yang berkaitan. <i>Ability to recognise the current and future telecommunication services, as well as standards and the related organization.</i>
2	Berkebolehan menerangkan ciri-ciri dan rekabentuk rangkaian telekomunikasi. <i>Ability to explain the characteristics and designs of telecommunication networks.</i>
3	Berkebolehan menerangkan pelbagai sistem telekomunikasi jalur lebar. <i>Ability to comprehend various broadband telecommunication systems.</i>
4	Berkebolehan membuat penilaian dan perbandingan dalam memilih sistem telekomunikasi yang sesuai digunakan. <i>Ability to compare among, and evaluate the suitability of a telecommunication system to suit a given set of specification.</i>
5	Berkebolehan menyelesaikan masalah baris-gilir (queue) dan kehilangan dalam kejuruteraan teletrafik. <i>Ability to solve problems related to queue and losses in teletraffic engineering</i>

KKKT4213 Kejuruteraan Perisian Software Engineering

Kursus ini adalah sambungan kepada kursus Bahasa Pengaturcaraan Tahun 1. Dalam kursus ini, pelajar akan mempelajari proses teknikal dan pengurusan bagi merekabentuk sistem perisian menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari pada tahun satu. Konsep kejuruteraan perisian yang akan diketengahkan adalah meluas, merangkumi konsep aplikasi berorientasikan objek kepada penggunaan komponen rekabentuk arkitektur hingga pembinaan sistem perisian yang besar.

This course is a continuation of the programming language course in Year 1. In this course, students will learn the technical and management processes for the design of software systems, using knowledge learned in year one. Software engineering concepts to be highlighted are extensive, covering the concept of object-oriented applications to using architectural design components to building a large software system.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL1163 Bahasa Pengaturcaraan

Pre-Requisite (if any):KKKL1163 *Programming Language***Bacaan Asas:****References:**Sommerville, I. 2015. *Software Engineering*. 10th Edition. Addison-WesleyPressman, R. S. 2014, *Software Engineering, A Practitioner's Approach*.

8th Edition, McGraw Hill.

Deitel, H. M. & Deitel P. J. 2013. *C: How to Program*, 7th Edition. Prentice-Hall.Booch, G., Rumbaugh, J., & Jacobson, I., 2005. *The Unified Modeling Language User Guide*, 2nd Edition. Addison-Wesley.Gamma, E., Helm, R., Johnson, R., & Vlissides, J. 2002. *Design Patterns: Elements of Reusable Object Oriented Software*. Addison-Wesley.**Hasil Pembelajaran****Course Outcomes**

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Kebolehan untuk menguruskan pembangunan perisian. <i>Ability to manage software development.</i>
2	Kebolehan untuk menggunakan kelas dan objek di dalam perisian dan perkakas rekabentuk formal. <i>Ability to use classes and objects in the formal design software and hardware.</i>
3	Kebolehan untuk mengaplikasi sesetengah corak rekabentuk lazim di dalam perisian berorientasikan objek. <i>Ability to apply some common design patterns in object-oriented software.</i>
4	Kebolehan untuk menganalisa masalah dalam rekabentuk sistem komputer bererti serta keperluannya, kemudiannya mengeluarkan penyelesaian perisian serta menguji fungsinya. <i>Ability to analyze problems in the design of significant computer systems and their requirements, then produce a software solution and test its functionality.</i>

KKKT4223 Keboleharapan dan Pencirian Litar Bersepadu***Reliability and Characterization of Integrated Circuit***

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan konsep dalam bidang kejuruteraan keboleharapan dan peranti litar bersepadu. Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada konsep keboleharapan dan pengenalan kepada kaedah pencirian litar bersepadu. Pelajar-pelajar mengaplikasi ilmu matematik dan kejuruteraan terutama dalam bidang kebarangkalian dan statistik. Mereka juga dikehendaki merekabentuk satu sistem, menggunakan komponen atau proses dengan mengambilkira

konsep keboleharapan, seterusnya melakukan kerja, menulis laporan dalam kumpulan. Dengan ini juga mereka dapat memahami, mengecam, serta menyelesaikan masalah berkaitan dengan keboleharapan serta pencirian litar bersepadu. Membuat lawatan industry sekurang-kurangnya 3 jam untuk meninjau amalan di dalam industri.

The aim of this course is to give knowledge, understanding and concept in the field of reliability and integrated circuit characterization. This course is an introductory course to the concept of reliability and characterization method in integrated circuit. Students are to apply mathematics and engineering knowledge especially in the area of probability and statistics. Students should be able to translate the given data using statistics. They are also required to design a system using component or process with the inclusion of reliability concept and then analyze the design and write group report. With this, they should be able to understand, identify and solve problems related to the reliability and integrated circuit characterization. This course will also include at least 3 hours of industrial visit to observe the practice in industry.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKT3253 Mikroelektronik

Pre-Requisite (if any):

KKKT3253 *Microelectronics*

Bacaan Asas:

References:

Modarres, M.; Kaminskiy, M. and Krivtsov, V. 2009. *Reliability and Risk Analysis – A Practical Guide*, CRC Press.

Enrico Zio. 2007. *An Introduction to the basics of Reliability and Risk Analysis*. World Scientific Publishing.

Ebeling, C. E. 2004. *Reliability and Maintainability Engineering*, Mc Graw Hill.

Stark, H. and Woods, J. W. 2002. *Probability, Random Processes and Estimation Theory for Engineers*, Third Edition, Prentice Hall.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan untuk memahami konsep kualiti, kebolehharapan dan keselamatan dalam industry <i>Ability to understand the concept of quality, reliability and safety in industry.</i>
2	Berkebolehan memahami konsep kadar kegagalan tetap bagi model komponen / system <i>Ability to understand the concept of fixed failure rate model of a component / system.</i>
3	Berkebolehan mengenalpasti system dengan kebolehharapan tinggi dan berkeboleharapan rendah <i>Ability to identify a system with high and low reliabilities.</i>
4	Berkebolehan memahami kepentingan melakukan kerja penyiasatan secara bersepadu bagi mengenapasti punca kegagalan; iaitu dengan kaedah analisis berkesan mod kegagalan (FMEA) dan analisis pokok kegagalan (FTA) (Analisis) <i>Ability to understand the importance of integrated investigation work to identify the source of failure i.e. with failure mode effective analysis method (FMEA) and failure tree analysis (FTA) (Analysis)</i>

KKKT4233 Optoelektronik ***Optoelectronics***

Matlamat kursus ini ialah untuk menerapkan kefahaman teknologi optoelektronik dalam dunia aplikasi fotonik hari ini. Kursus ini dimulai dengan memperkenalkan lebih mendalam mengenai peranti optoelektronik, seperti konsep laser, penguat optik dan komponen-komponen pasif. Asas-asas dan hukum-hukum cahaya seperti persamaan Maxwell, persamaan Fresnel, hukum snell, pantulan dalam penuh diulangkaji semula berdasarkan gelombang semula jadi cahaya di dalam pandu gelombang dielektrik dan gentian optik. Bab-bab seterusnya merangkumi polarisasi cahaya, modulasi cahaya, konsep pemultipleksan panjang gelombang (WDM) dan komponen-komponen yang terlibat. Trend teknologi optoelektronik yang terkini akan dibincangkan khususnya dari aspek sistem telekomunikasi, pengesanan, pengimejan dan paparan. Kursus ini juga akan memberikan pendedahan makmal terhadap aktiviti pengukuran dan pencirian peralatan dan komponen optoelektronik. Para pelajar juga didedahkan kepada pengenalan penggunaan perisian simulasi bagi merekabentuk komponen optoelektronik.

The goal of this course is to apply the understanding of optoelectronic technology in the world's today photonic applications. This course begins by introducing in greater depth of optoelectronic devices, such as the concept of lasing, optical amplification and working concept of passive

components. *Fundamental principles and laws of light, such as Maxwell's equations, Fresnel equation, snell law, total internal reflection will be revisited, based on the phenomenon of wave nature of light in dielectric waveguides and optical fibers. Subsequent chapters include light polarization, modulation of light, wavelength division multiplexing (WDM) concepts and components that involved. The current trends of optoelectronic technology will be discussed from the aspect of telecommunications systems, sensors, imaging and display. This course will provide laboratory exposure to the measurement and characterization equipment and optoelectronic components. The students are also exposed to the introduction of the use of simulation software for the design of optoelectronic components.*

Pra-Keperluan (jika ada)

KKKT3253 Mikroelektronik/

Pre-Requisite (if any):

KKKT3253 Microelectronics

Bacaan Asas:

References:

- Kasap, S. O., 2012, *Optoelectronics & Photonics: Principles & Practices (2nd Edition)*, 2/e. Prentice Hall.
- Saleh, B.E.A. & Teich, M.C. 2012, *Fundamentals Of Photonics*, 2/e. Wiley.
- Hecht, E., 2008, *Optics*, 4/e. Pearson Education.
- Smith, W., 2007, *Modern Optical Engineering*, 4/e. McGraw-Hill Professional.
- Yariv, A. 2006. *Photonics: Optical Electronics in Modern Communications (The Oxford Series in Electrical and Computer Engineering)*, 6/e. Oxford University Press.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan merekabentuk komponen dan sistem aktif berdasarkan pengetahuan teknologi optoelektronik. <i>Ability to design an active component and system based on knowledge of optoelectronic technology.</i>
2	Berkebolehan menggunakan perisian dalam pemodelan komponen & sistem optik. <i>Ability to use software in modeling optical component & system component.</i>

3	Berkebolehan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi opto-elektronik pada masa kini. <i>Ability to solve problems associated with the optoelectronic technology today.</i>
4	Berkebolehan merekabentuk dan membentangkan penyelesaian masalah yang diberikan. <i>Ability to design and present a solution provided.</i>

KKKT4243 Sistem Komunikasi Optik ***Optical Communication Systems***

Kursus dimulai dengan memperkenalkan teknologi gentian optik dan penggunaannya sebagai talian penghantaran isyarat komunikasi. Pemancar dan penerima diberikan berikutnya. Dari sini barulah komunikasi optik dilihat dalam bentuk sistem. Ia diperkenalkan dalam bentuk hubungan optik titik ke titik sehinggalah dalam bentuk rangkaian termasuklah teknologi WDM, rangkaian capaian FTTx. Komponen-komponen pasif dan aktif optik dan rangkaian turut didedahkan. Pendedahan kepada cara penggunaan peralatan pengukuran dan pencirian termasuk mesin splicer, penganalisis spektrum optik (OSA), OTDR, sumber-sumber khusus seperti laser DBR boleh tala (TLS) selain dari sumber-sumber dan meter-meter kuasa optik biasa. Pelajar juga berpeluang didedahkan kepada beberapa kerja pengukuran dan amali disebabkan terdapatnya pentas ujian (test-bed) FTTH, stesyen penterminalan gentian, fused fiber coupler machine dan lain-lain.

The course begins with the introduction of fiber optic technology and its use as a communication signal transmission line, followed by transmitter and receiver is given in the next topic. Then the optical communication system is discussed by introducing point-to-point optical relationship until network technologies including WDM, FTTx access networks. Passive components and active optical network is also disclosed. Exposure to machine measurement and equipment characterization including Splicer machines, optical spectrum analyzer (OSA), OTDR, specific sources such as tunable DBR laser (TLS) as well as from other sources and normal optical power meters. Students are also exposed to a number of measurement and practical work such as FTTH test bed, splicing machine, fused fiber couplers machine and others which are available in the laboratory.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL2183 Teori Komunikasi

Pre-Requisite (if any):KKKL2183 *Communication Theory***Bacaan Asas:****References:**

Keiser, G. 2015. *Optical Fiber Communication*. 5th Edition. McGraw Hill.
 Agrawal, G. P. 2010. *Fiber-Optics Communication Systems*. 4th Edition. Wiley
 Senior, J. M. 2008. *Optical Fiber Communications*, 3rd Edition. Prentice Hall
 Palais, J. C., 2004. *Fiber Optic Communication*, 5th Edition. Prentice Hall.

Hasil Pembelajaran**Course Outcomes**

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Berkebolehan merekabentuk system komunikasi optic serta mengaplikasi dalam sistem sedia ada. <i>Ability to design an optical communication system well as to apply in an existing system.</i>
2	Berkebolehan mengenalpasti dan menggunakan peralatan dan komponen komunikasi optik. <i>Ability to identify and utilize the equipment and components of optical communication.</i>
3	Berkebolehan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan teknologi komunikasi optik. <i>Ability to solve problems related to optical communication technology.</i>
4	Berkebolehan menangani permasalahan dalam teknologi komunikasi optic secara kajian kes dengan memberi cadangan penyelesaian. <i>Ability to solve problems in optical communication technology in the form of case study by proposing a solution.</i>

KKKT4253 Antena dan Litar Berfrekuensi Tinggi *Antenna and High Frequency Circuits*

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan, kefahaman dan keutamaan merekabentuk antenna dan litar berfrekuensi tinggi. Kursus ini memberi penekanan terhadap analisis talian penghantaran dengan penekanan diberikan kepada talian mikrostrip, analisis rangkaian pengkalan tunggal dan berbilang terutamanya parameter-S dan rajah aliran, rekabentuk penuras RF, teknik-teknik pemadanan impedans, analisis dan rekabentuk guat transistor serta beberapa litar RF lain. Kursus ini juga memberikan penekanan terhadap teori, permodelan, analisis, dan rekabentuk antenna dan terhadap kelakuan fizikal dan permodelan perambatan gelombang radio dalam aplikasi bidang telekomunikasi. Pakej berbantuan computer seperti IE3D, Sonnet dan HFSS diperkenalkan bagi membantu pelajar merekabentuk litar berfrekuensi tinggi. Pelajar juga akan didedahkan

kepada penggunaan alatan RF dan gelombang mikro seperti penjana isyarat, penganalisa isyarat, meter kuasa dan penganalisa rangkaian untuk tujuan pengujian litar.

The aim of this course is to impart knowledge, understanding and ability of the student to design antenna and high frequency circuits. This course focuses on the transmission line analysis with emphasis on microstrip line, the analysis of single and multi-terminal networks, especially the S-parameter and flow diagrams, design of RF filter, impedance matching techniques, analysis and design of transistor amplifiers as well as some other RF circuits. This course focuses on the theory, modelling, analysis and design of antenna and the physical behaviours of radio wave propagation modelling in the telecommunication field. Computer-aided software package such as IE3D, Sonnet and HFSS will be introduced to help students to design high frequency circuits. Students are also introduced with the basic antenna measurement tools such as RF and microwave signal generator, signal analyser, power meter and network analyser circuit for testing purposes.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKL2133 Medan dan Gelombang Elektromagnet

Pre-Requisite (if any):

KKKL2133 *Electromagnetic Fields and Waves*

Bacaan Asas:

References:

Pozar, D. M. 2011. *Microwave Engineering*, 4/e. Addison-Wesley.

Balanis, C. A. 2005. *Antenna Theory: Analysis and Design*, 3/e. Wiley-Inter science.

Grebennikov A. 2004. *RF and Microwave Power Amplifier Design*, McGraw-Hill.

Pozar, D. M. 2001. *Microwave and RF Design of Wireless Systems*, John Wiley.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk mengenalpasti dan menganalisa berbagai jenis komponen litar RF dan memahami spesifikasi elektrik litar. <i>Ability to identify and analyse various components of the RF circuit and understanding the electrical specifications of the circuit.</i>
2	Berkebolehan untuk merekabentuk litar-litar penuras, penguat, pengayun dan pemisah serta menyelesaikan masalah berkaitan dengan rekabentuk. <i>Ability to design circuits, filters, amplifiers, oscillators, separator, and solving problems related to the antenna design.</i>
3	Berkebolehan untuk menggunakan pakej berbantuan komputer untuk merekabentuk antenna dan litar HF dan menggunakan alatan RF dan gelombang mikro untuk pengujian litar. <i>Ability to use computer-aided package for design of HF antennas and circuits, and uses RF and microwave devices for circuit testing.</i>
4	Berkebolehan untuk menilai prestasi parameter antenna bagi sesuatu keadaan khusus yang diberikan. <i>Ability to evaluate the performance of the antenna parameters for a specific environment.</i>

KKKT4263 Sistem Pengoperasian Operating Systems

Matlamat kursus ini ialah memberikan pengetahuan dan kefahaman konsep asas sistem pengoperasian, jenis-jenis dan khidmat sistem pengoperasian, proses-proses dan komunikasi antara-proses, perjadualan proses dan kebuntuan, sistem masukan dan keluaran, pengurusan ingatan dan sistem fail.

The course objective is to impart knowledge and understanding on the fundamental concepts of operating systems, their types and services, processes and interprocess communication, process scheduling and deadlocks, input and output systems, memory management and file systems.

Pra-Keperluan (jika ada):

KKKT4213 Kejuruteraan Perisian

Pre-Requisite (if any):

KKKT4213 Software Engineering

Bacaan Asas:**References:**

- Stalings W., 2014. *Operating Systems: Internals and Design Principles*, 8th Edition. USA:Prentice Hall.
- Silberschatz A. et al., 2012. *Operating System Concepts, 9th Edition*. Addison Wesley, USA.
- Tanenbaum A. S. & Woodhull A.S. 2006. *Operating Systems: Design and Implementation. 3rd Edition*. USA: Prentice Hall.
- Davis W.D. dan Rajkumar T.M. 2004. *Operating System a Systematic Review.6th Edition*. Addison Wesley, USA.
- Silberschatz A., Galvin P. dan Gagne G. 2000. *Applied Operating System Concepts*. Addison Wesley, USA.

Hasil Pembelajaran**Course Outcomes**

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Berkebolehan untuk menganalisis permasalahan dalam pengurusan proses, pengurusan ingatan dan pengurusan storan. <i>Ability to analyse problems in process, memory, file and I/O management.</i>
2	Berkebolehan membandingkan pelbagai teknik dalam sistem pengurusan ingatan. <i>Ability to compare different techniques in memory management systems.</i>
